

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : 21 Februari 2023

SITASI :

M/S : 11

“Penerbit universiti perlu giat teroka pasaran e-buku” *Berita Harian*, 21 Februari 2023, m.s 11

Penerbit universiti perlu giat teroka pasaran e-buku



Oleh Siti Nasarah Ismail
bhrencana@bh.com.my

Perkembangan teknologi e-buku yang semakin mudah diakses menggunakan pelbagai peranti mudah alih seperti telefon pintar, tablet dan komputer, menyedikan pasaran besar.

Di Amerika Syarikat (AS) umpamanya, 191 juta e-buku dijual pada 2020 dan 2021, sekali gus mencatatkan pendapatan mencecah AS\$1.1 bilion (RM4.9 bilion).

Bagaimanapun, di negara ini penjualan e-buku di platform komersial masih kurang memberangsangkan, walaupun potensi pasarannya cukup luas.

Hal itu berlaku di sebalik kempen berterusan **Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)** menggalakkan budaya membaca secara digital dengan memuatkan ribuan judul di pangkalan datanya untuk pinjaman.

Pada peringkat perpustakaan universiti pula, institusi itu turut melanggan pangkalan data bagi menyediakan repositori digital kepada warga universiti, sekali gus memperbagikan medium bahan rujukan akademik dipertuhkan. Inisiatif ini dilihat masih tidak mampu

menarik minat membaca, walaupun dari segi infrastruktur dan infrastruktur sudah hampir mencapai 100 peratus.

Justeru, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam perutusan tahun baharu 2023 antara lain akan memberikan keutamaan kepada pembangunan prasarana digital memberi tumpuan kepada pendigitalan total dalam semua aspek pengurusan, pendidikan, pembelajaran dan perkhidmatan.

Jana pendapatan universiti

Ini bermakna, pembangunan e-buku, terutama diterbitkan penerbit universiti boleh menjadi pelengkap kepada usaha kementerian yang bukan sahaja dapat meningkatkan keternampakan universiti tempatan dalam industri buku, malah dapat menjana pendapatan kepada universiti.

Sebagai gedung ilmu menyimpan khazanah keserjanaan tinggi, ia wajar diangkat ke persada global dengan antara pendekatan adalah menerusi e-buku.

Tidak dapat dinafikan kebanyakan penerbit universiti sudah membangunkan e-buku sejak beberapa tahun lalu, namun untuk diangkat sebagai penerbitan karya ilmiah Malaysia masih jauh kerana dilaksanakan secara terasing.

Melihat potensi pasaran luas dan kemajuan dalam sektor capaian internet, usaha ini boleh digembleng bersama pasukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPTJ) dalam membangunkan platform dapat menghimpunkan karya ilmiah terbitan universiti.

Malah, ini juga boleh membuka peluang kepada penerbit tempatan untuk meneroka bidang penerbitan dan penjualan e-buku yang mempunyai potensi pasaran dan kumpulan sasar dari kalangan generasi Alpha lahir dan membesar dengan teknologi peranti mudah alih.

Apatah lagi jika format e-buku lebih interaktif untuk menarik minat membaca kanak-kanak dalam usaha membudayakan amalan membaca selaras matlamat Dasar Buku Negara untuk memastikan rakyat mempunyai minat membaca tinggi dan menggunakan bahan bacaan berkualiti.

Ini tentu memerlukan pembabitkan semua pihak, termasuk kementerian berkaitan, penggerak industri dan ibu bapa sendiri.

Walaupun dari segi keupayaan infrastruktur,nya sudah mantap, pelaksanaannya masih pada peringkat pemula dan perlu digiatkan dengan drastik bagi memastikan akses bahan bacaan terus sampai kepada kumpulan sasar.